



Isnin 1 Mac 2021

Pautan ke kit media: [\[sini\]](#) Pautan ke laman web: [\[sini\]](#)

CARA BAHARU UNTUK HIDUP AKTIF

District Race Malaysia oleh AIA Vitality kembali dengan acara digital serba baharu, diperluaskan ke seluruh Malaysia dengan ganjaran hadiah yang lebih lumayan dan hebat.

Gambaran keseluruhan

- Perlumbaan eksplorasi bandar terhebat di dunia telah beralih ke wadah digital dan boleh disertai secara percuma.
 - Acara ini kembali dengan AIA Vitality selaku penajanya, bertujuan untuk menggalakkan rakyat Malaysia terus kekal aktif dalam norma baharu agar dapat menjalani kehidupan yang lebih sihat, berpanjangan dan bermakna
 - Aplikasi ini menampilkan aktiviti baharu yang merangkumi titik semak (*checkpoint*) yang berada di luar kediaman anda bagi memudahkan penyertaan. Anda boleh menyertai perlumbaan ini dari mana-mana sahaja di Malaysia!
 - Lebih daripada 40 hadiah untuk dimenangi termasuk sebuah kereta baharu, peralatan adidas dan jam tangan Garmin. Seorang pemenang bertuah akan berpeluang membawa pulang sebuah kereta Proton X50.
-

Perincian

District Race Malaysia anjuran AIA Vitality kembali lagi dan bersiap sedia untuk memperkasa rakyat Malaysia melalui acara digital augmentasi realiti baharu dengan penyertaan percuma. Sejak tahun lalu, pandemik COVID-19 telah mengakibatkan kesemua acara sukan yang melibatkan penyertaan secara besar-besaran tidak dapat dilangsungkan, sekaligus mendorong orang ramai untuk bertindak kreatif dalam melakukan rutin kecergasan mereka. Justeru, edisi terbaru District Race Malaysia yang bakal dilancarkan hari ini (1 Mac 2021) adalah berlandaskan konsep yang sama. Dikuasakan oleh platform teknologinya yang canggih, acara ini menggalakkan orang ramai untuk menjalani kehidupan aktif dan sihat dalam norma baharu dengan menawarkan satu pengalaman menjelajah bandar yang menyeronokan melalui aplikasi District.

Tahun ini, District bersama penajanya AIA Vitality telah meluaskan penyertaan acara ini ke seluruh negara yang memberi peluang kepada semua rakyat Malaysia untuk menyertainya dan menikmati keseronokannya bersama.

Acara selama empat bulan ini berhasrat untuk mendorong orang ramai kekal aktif dan sihat dengan melakukan senaman mengikut cara yang baharu dan mengujakan dalam suasana yang selesa dan selamat. Versi baharu aplikasi District ini menawarkan para pengguna dengan pelbagai pilihan penyertaan tanpa mengira tahap kecergasan mereka. Ini termasuk pengalaman kecergasan tahap tinggi, augmentasi realiti dan pelbagai pertandingan komuniti untuk semua.

Cara paling mudah untuk bermula adalah dengan berjalan kaki, berjoging atau berlari ke lokasi titik semak maya berhampiran. Hanya buka aplikasi, tekan ‘Start’, dan jalan mengikut lokasi-lokasi GPS untuk meraih mata. Jelajahlah di sekitar kawasan kejiran atau di taman berhampiran; titik semak berada di mana-mana sahaja.

Bagi mereka yang tidak berhasrat untuk mengumpul titik semak, mereka juga boleh memperoleh mata untuk setiap kilometer yang dikumpul sama ada dengan berjalan kaki atau berlari. Aktiviti-aktiviti ini boleh dijejaki melalui aplikasi District atau dengan menghubungkan peranti boleh pakai yang dilengkapi GPS, misalnya Garmin. Selepas dihubungkan dengan peranti, semua rekod aktiviti akan diselaraskan terus kepada aplikasi District dan mata yang diraih akan dikredit dan dikira untuk kedudukan keseluruhan. Proses menyertai sesuatu acara tidak pernah semudah ini.

Di samping pertandingan bulanan, satu cabutan Hadiah Utama juga akan berlangsung sepanjang tempoh acara bermula 1 Mac hingga 30 Jun, dengan pelbagai hadiah menarik menjadi rebutan. Sebarang aktiviti yang berjaya meraih 2,000+ mata terkumpul akan melayakkan peserta untuk satu peluang bagi cabutan bertuah tersebut. Pemenang bertuah berpeluang membawa pulang sebuah kereta Proton X50 baharu. Di samping itu, terdapat lebih daripada 40 hadiah pertandingan untuk dimenangi termasuk jam tangan Garmin, peralatan adidas dan banyak lagi.

District Race Malaysia anjuran AIA Vitality juga merupakan satu cara yang hebat untuk menghubungkan rakan-rakan dan keluarga untuk sama-sama bergerak aktif secara maya tatkala ramai yang tidak berkesempatan untuk bersemuka secara fizikal sepanjang tempoh pelaksanaan PKP. Para peserta boleh mengajak rakan dan ahli keluarga untuk membentuk satu pasukan bagi menyertai perlumbaan ini dan berpeluang untuk menang. Pasukan dengan jumlah ahli terbanyak akan memenangi kemeja T District Race Malaysia dan pingat augmentasi realiti District 2021 secara percuma.

“Edisi sulung District Race yang dilangsungkan di Dataran Merdeka Kuala Lumpur pada 2019 telah menarik penyertaan lebih 8,000 orang dan kami begitu teruja dengan sambutan hangat yang diterima. Walaupun pandemik global telah memberi kesan dan menjelaskan sebahagian kehidupan kita semua, kami tetap ingin menekankan kepentingan mengamalkan gaya hidup sihat dan positif di kalangan golongan anak muda mahupun keluarga,” kata **Josh Tendler, Ketua Pemasaran, District Technologies**. “Aplikasi District dikuasakan dengan teknologi berasaskan lokasi dan gamifikasi, dan ianya kini membolehkan peranti boleh pakai yang dilengkapi GPS dipautkan kepada platform itu. Oleh kerana itu, kami membawa perlumbaan komuniti di Malaysia ini beralih ke format digital pada tahun ini – dengan misi untuk kekal aktif dan sihat. Perlumbaan kali ini pastinya menjanjikan kelainan yang tidak pernah disaksikan sebelum ini.”



Heng Zee Wang, Ketua Pegawai Pemasaran, AIA Bhd. berkongsikan sentimen yang sama: "District Race anjuran AIA Vitality sebelum ini telah menggegarkan Malaysia apabila ia julung kalinya dilancarkan pada 2019. Selaku penaja, kami cukup teruja kerana dapat menganjurkannya sekali lagi, kali ini dengan format yang baharu dan diubahsuai untuk terus memberi inspirasi kepada semua rakyat Malaysia daripada pelbagai lapisan masyarakat untuk kekal aktif meskipun berdepan dengan pelbagai cabaran kehidupan akibat pandemik COVID-19. Kami sentiasa komited dalam mencari kaedah inovatif dan menghiburkan bagi membantu rakyat Malaysia Hidup Lebih Sihat, Berpanjangan dan Bermakna – dan salah satu daripadanya adalah menerusi program kesihatan unik AIA Vitality kami yang menggalakkan orang ramai membuat pilihan yang lebih sihat dalam kehidupan sehari-hari mereka. Kerjasama dengan District Race ini sememangnya tepat untuk kami kerana ia memberi kesempatan kepada orang ramai menjelajah di sekitar kawasan bandar dan komuniti masing-masing bersama rakan-rakan serta keluarga secara sihat dan selamat."

Aplikasi District boleh dimuat turun melalui App Store dan Google Play Store.

Pendaftaran am District Race Malaysia anjuran AIA Vitality masih lagi dibuka secara percuma dengan memuat turun aplikasi di: <https://rebrand.ly/DistrictRaceMY>

Untuk maklumat lanjut, ikuti @DistrictRaceMY di Facebook dan Instagram, atau layari laman rasmi acara di: www.exploredistrict.com/en/events/district-race-my-2021

Mengenai District (exploredistrict.com)

Hubungi: Chris Cable, Ketua Acara, +60 17 349 2342, Chris@districtrace.com

District Technologies adalah sebuah syarikat teknologi inovatif yang memberi nafas baharu kepada aktiviti larian dan eksplorasi bandar dengan menggunakan teknologi berteraskan permainan. Ditubuhkan pada tahun 2017, District Technologies lahir hasil daripada keinginan untuk menghidupkan semula semangat eksplorasi dalam diri setiap individu serta membolehkan masyarakat menjalani gaya hidup aktif dan sosial. Produk utama ditawarkan oleh District Technologies adalah District iaitu aplikasi eksplorasi bandar pertama seumpamanya yang menggabungkan kecanggihan teknologi berasaskan pengesanan lokasi dan augmentasi reality (AR) untuk menggalakkan masyarakat meneroka semula bandar mereka dan pada masa yang sama meningkatkan tahap kecergasan dengan cara menyelesaikan beberapa cabaran yang terdapat sekitar bandar. District Technologies juga menganjurkan acara District Race di seluruh dunia yang diinspirasi daripada aplikasi District. District Technologies beribu pejabat di Singapura dan dikenali di peringkat global, dengan pasaran utama di Asia Pasifik dan Eropah.

Untuk maklumat lanjut, layari www.exploredistrict.com

Mengenai AIA Vitality

AIA Vitality merupakan satu-satunya program kesejahteraan menyeluruh berdasarkan sains yang pertama di Asia. Program ini menyediakan pengetahuan, alat dan motivasi kepada ahli-ahlinya untuk membantu mereka melaksanakan langkah-langkah yang boleh dicapai bagi memenuhi matlamat kesihatan dan perubahan tingkah laku positif secara jangka panjang ke arah gaya hidup yang lebih sihat. Ahli AIA Vitality diberi insentif untuk terlibat secara aktif dalam aktiviti kesihatan dan kesejahteraan dengan menawarkan mereka pelbagai faedah termasuk manfaat insurans dan perlindungan tambahan kepada pelan insurans dan pelan takaful yang terpilih serta menikmati diskaun daripada rakan AIA Vitality.

Ketahui dengan lebih lanjut mengenai AIA Vitality di www.aiavitality.com.my

Mengenai AIA Bhd.

AIA Bhd., adalah sebuah syarikat insurans terkemuka di Malaysia, di mana kami mendapat penghormatan menjalankan perniagaan sejak 1948. Kami menawarkan pelbagai penyelesaian kewangan termasuk Perlindungan, Kesihatan, Kemalangan Diri, Manfaat Pekerja, Insurans Am, Gadai Janji, Persaraan dan Takaful Keluarga untuk memenuhi keperluan dan jaminan kewangan pelanggan kami pada setiap peringkat kehidupan. Melalui rangkaian pengedaran yang pelbagai dengan kekuatan pasukan agensi seramai 15,000 Perancang Hayat, cawangan rakan kongsi bank yang eksklusif di seluruh negara serta pasukan jualan korporat dan broker, kami memberi para pelanggan pilihan dalam menentukan bagaimana, bila dan di mana mereka menghubungi kami.

Sebahagian daripada Kumpulan AIA, kumpulan insurans hayat pan-Asia tersenarai awam terbesar dan bebas, AIA Bhd. mempunyai kekukuhan kewangan, pengalaman, rangkaian pusat perkhidmatan serta pasukan terlatih terdiri daripada lebih 2,600 kakitangan yang memberi perkhidmatan kepada 3.6 juta pelanggan kami di seluruh negara. Sehingga 30 Jun 2020, jumlah aset AIA Bhd. bernilai RM57.45 bilion, dengan modal berbayar sebanyak RM810 juta.

Siaran Akhbar ini disediakan oleh **INK PR Sdn Bhd** mewakili
DISTRICT RACE MALAYSIA ANJURAN AIA VITALITY

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

| | |
|---------------|---|
| Ms Abby Naomi | +6016 215 3094 abby@ink.net.my |
| Ms Aw Li-Ann | +6012 207 8285 li-ann@ink.net.my |